



## KENYATAAN MEDIA

### MIROS TURUN PADANG TINGKATKAN KESEDARAN KESELAMATAN BERBASIKAL KEPADA PENUNGGANG

---

**KAJANG, 20 April 2021** – Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) memandang serius isu keselamatan penunggang basikal dan telah mengambil pendekatan untuk turun padang serta mengadakan kunjungan pertama ke kedai basikal dengan tujuan mengeratkan hubungan kerjasama bagi meningkatkan kesedaran berkenaan keselamatan ketika menunggang basikal di kalangan penunggang basikal.

Program ini merupakan salah satu aktiviti yang dirangka di bawah **Kempen Keselamatan Berbasikal** yang dianjurkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia bersama MIROS. Bagi lawatan sulung ini, MIROS telah memilih untuk melawat Rodalink, salah sebuah kedai di Putrajaya yang menjual dan menyelenggara basikal. Pada sesi ini juga, YBrs. PPj. Kehormat (PA) Ir. Ts. Dr. Khairil Anwar bin Abu Kassim, Ketua Pengarah MIROS, telah menyerahkan **poster yang mengandungi panduan keselamatan berbasikal** kepada pemilik kedai sebagai simbolik kepada sesi kunjungan ini. Poster tersebut turut **memaparkan kod QR yang membolehkan pengunjung melayari seterusnya mendapat akses kepada risalah dan poster tentang keselamatan menunggang basikal** dengan cepat dan mudah.

Ketua Pengarah MIROS turut diberikan taklimat ringkas oleh jurujual berpengalaman tentang kaedah pemilihan basikal mengikut kesesuaian pengguna serta panduan penyelenggaraan bagi memastikan basikal berada dalam keadaan yang baik sebelum menunggang. MIROS turut menggalakkan para penjual basikal untuk menekankan ciri-ciri keselamatan asas yang perlu ada pada sesebuah basikal seperti penggunaan loceng dan lampu serta pematuhan kepada undang-undang lalu lintas kepada pelanggan sebelum pembelian basikal dibuat.

Program ini akan dilakukan secara berkala di beberapa buah kedai basikal yang terpilih di sekitar Putrajaya dan juga Selangor. Pendekatan ini merupakan usaha jangka sederhana bagi mencapai objektif kempen iaitu ingin mendidik dan meningkatkan kesedaran penunggang tentang aspek keselamatan yang perlu dititikberatkan dan dipraktikkan sebelum menunggang.

Melalui program ini, adalah diharapkan agar penunggang basikal sentiasa peka dan prihatin akan persekitaran mereka ketika berbasikal bagi memastikan keselamatan mereka dan pengguna jalan raya yang lain terjamin.

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: [inquiry@miros.gov.my](mailto:inquiry@miros.gov.my)